

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

## Wang Hasil Judi dan Babi Tidak Haram?

Nik Hasan bin Nik Husin, Kampung Laut, Kota Bharu, Kelantan

bertanya:

“Ada orang menghukumkan wang yang diperoleh dari hasil judi atau dari jualan babi atau seumpamanya itu halal dimakan, kerana ain wang itu suci. Ada pun yang haram-katanya-ialah perbuatan menjual babi atau berjudi itu sahaja. Betulkah demikian hukumnya?

Jawab: Faham yang tersebut yang amat besar yang harus Meruntuhkan segala hukum-hukum halal dan haram yang ada dalam agama.

Fitnah dan bencana ini tentu tidak akan timbul dalam Negara Islam yang mengharamkan judi dan babi, kerana kalau pokoknya sudah ditebang tentu buahnya tidak ada lagi. Mudah mudahan kita umat Islam akan dapat menciptakan negara dan masyarakat yang tidak ada di dalamnya judi dan babi serta hasil mahsulnya atau laba yang didapat daripadanya.

Cara Islam mengharamkan sesuatu itu ialah ada kalanya diharamkan pokok masalah itu dengan tidak menyebut butir-butir atau pecahan-pecahan kecilnya, kerana hukum furu' atau pecahan-pecahan itu adalah mengikut hukum pokok tau asalnya itu. Dan ada kalanya pula Islam itu mengharamkan furu' kerana nak mengelakkan daripada terbawa kepada pokok yang diharamkan itu. Misalnya diharamkan memandang dan bergaul dengan perempuan kerana ditakuti membawa kepada perbuatan zina. Demikian kalau judi diharamkan. Maka segala furu'-furu' judi itu haramlah jua.



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

Berkenaan dengan alasan yang mengatakan hasil tersebut halal kerana ain wang itu suci adalah tidak boleh dipakai di dalam syarak kerana yang dimakan atau diminum itu bukanlah ain wang itu. Kiranya ain wang itu yang dimakan lainlah halnya.

Adapun hasil-hasil cemar yang diharamkan dan tidak diakui oleh ajaran-ajaran Islam ialah:-

- (1) Hasil yang diperoleh dengan tidak ada bertenaga dan berusaha dengan tulang aurat, seperti riba', judi, Loteri dan sebagainya.
- (2) Hasil yang diperoleh dengan batil seperti hasil judi, putar belit, tipu dan sebagainya.
- (3) Hasil yang diperoleh dari benda2 yang merosakkan Kesihatan seperti babi, arak, candu, dan sebagainya.

\* \* \*

## Isteri Ingkar Sembahyang

Suhaimi bin Abu Omar, Kampung Sungai Gading, Tapah, Perak bertanya: apakah hukum jika seseorang isteri ingkar disuruh sembahyang oleh suaminya pada hal ia tahu sembahyang. Adakah suaminya menjadi berdosa, pada hal ia telah berkali-kali menyuruh sembahyang?"

Jawab : Isteri adalah wajib taat setaat-taatnya kepada suaminya kecuali ia menyuruhnya berbuat maksiat. Isteri akan berdosa melawan perintah suaminya apalagi kalau perintah itu satu kewajipan agama yang besar seperti sembahyang. Di dalam satu hadis, Rasulullah telah bersabda, yang maknanya lebih kurang demikian : “kalau

Tuhan benarkan seseorang makhluk itu sujud kepada lain makhluk nescaya aku suruh isteri sujud kepada suaminya”. Hadis ini menunjukkan betapa besar kewajipan isteri taatkan suaminya.

Berkenaan dengan dosa maka Islam menentukan bahawa seseorang itu tidak akan ditanggungkan dosa seseorang lain yakni lain yang makan nangka lain yang kena getahnya. Tuhan telah berfirman : “*lā tazira wāziran wazra ukhrā*.”. Ertinya “Tidak ditanggungkan dosa kesalahan seseorang atas seseorang yang lain”.

Menurut Islam seseorang itu hanya berdosa daripada kesalahan orang lain, kalau ia melihat kesalahan itu dan dia tidak memberi nasihat, bukan kerana kesalahan yang dilakukan oleh lain orang itu.

\* \* \*

### Musykil Membaca Karangan “HAMKA”

P.C Koperal 10869, Janggal Company, Kulai, Johor bertanya, “Musykil di hati saya membaca karangan tuan “HAMKA” yang tersiar dalam “Qalam” 24 di bawah tajuk “kedudukan faham di antara yang muda dengan yang tua” iaitu berkenaan firman Allah yang ertinya :” apa pun jua yang menimpamu daripada kebaikan adalah dari Allah dan apa jua pun yang menimpa daripada kejahatan adalah daripada dirimu sendiri”. tetapi kenapa di dalam rukun iman- yang keenam ada menentukan bahawa untung baik dan untung jahat itu daripada Allah? Harap diberi keterangan”.

Jawab: Masalah qada’ dan qadar ini adalah suatu masalah yang dalam dan banyak segi-segi bacaan berkenaan dengannya.

Alim ulama telah bersalahan-salahan dalam masalah ini hingga bertelingkah dan berselisih faham dengan dahsyatnya. Masalah ini telah menyebabkan alim ulama berpecah kepada beberapa puak, iaitu puak Qadriyah, puak Jabariyah dan puak Mutazilah. puak Qadriyah itu berkata segala-galanya itu (termasuk perbuatan manusia) dijadikan oleh Tuhan dengan serta merta dan dengan tidak disusun terlebih dahulu peraturan-peraturan atau kaedah-kaedah yang khas baginya. Puak Jabariyah itu pula berkata bahawa manusia itu “majbur” yakni terpaksa dan dia tidak

mempunyai sebarang ikhtiar (lawan paksa) atau kehendak pada membuat atau melakukan sesuatu, malahan perbuatannya itu dilakukan bukan dengan kehendaknya sendiri. Puak ini memisalkan manusia itu ibarat sehelai bulu yang tergantung di udara lengang dan akan melayang-layang ke arah mana jua mengikut tiupan angin. Puak mutazilah pula berkata bahawa manusia itu adalah melakukan amal perbuatannya dan gerak gerinya dengan kehendak dan kemahuannya sendiri bukan dengan paksaan atau disekakan daripada Tuhan. Puak ini berfaham bahawa manusia itu melakukan perbuatannya dengan ikhtiamnya (ikhtiar di sini lawan paksa) sendiri. Yakni seorang itu berkuasa penuh atas dirinya.

Maka kata pemutus dalam masalah ini adalah kita salinkan daripada majalah Al-Manar bilangan 3 jilid 12 seperti Berikutnya:-

“Bahawa sesungguhnya Islam telah memerintah dan menyeru manusia mencari pengetahuan dan beramal atau bekerja mengikut dorongan kebolehan dan ikhtiar ( lawan paksa-P) yang ada padanya. Tuhan telah mengajar dan memberitahu manusia itu bahawa ia (Tuhan) telah menjadikan segala-galanya dengan ukuran dan sukatan serta peraturan dan susunan yang tertentu. Tuhan itu tidak bersifat lemah pada sebarang perkara yang hendak dijadikannya. Apabila Tuhan berkehendakkan sesuatu maka terjadilah ia dengan segera dan dengan tiada bertanggung atau lambat lagi. Manusia hendaklah tahu bahawa Tuhan telah menjadikan peraturan-aturannya dan kaedah-kaedah bagi sesuatu yang dijadikannya sebelum benda itu dijadikannya manusia itu hendaklah tahu bahawa bagi amal perbuatannya itu balasan yang tertentu, yang ialah kesan semula jadi bagi amal perbuatan itu.

Daripada keterangan ini mudah mudahan tuan penyoal itu akan mengetahui bahawa segala amal perbuatan seseorang itu sama ada baik atau jahat akan ada kesannya dan kesannya itu ialah jaza’ (balasan) yang akan diterima separuhnyanya di dunia Dan yang baki lain di akhirat kelak.

Bagaimanapun adalah masalah qada' dan qadar ini sangatlah rumit dan sulitnya. Dan kita tidak perlu berfikir banyak dalam hal ini. Lebih molekul bagi kita percaya sahaja kepada qada' dan qadar, dan mana-mana perkara yang rasa bertentangan dengan akal, serahkanlah sahaja kepada Allah, kerana akal kita cetek dan tak dapat menyelam masalah itu. mengakukan akal itu masih cetek tidak lah ganjil kerana banyak masalah-masalah yang lebih mudah daripada masalah ini belum cukup akal dapat menghuraikan simpulannya.

Di dalam masalah qadar ini junjungan kita bersabda: "*idh dhakara al-qadr fāmsikū*" hadis riwayat Al-Tabrani maknanya "Jika dibicarakan masalah qadar hendaklah kamu diam".

\* \* \*

### Lafaz Uşallī Ada Hadisnya?

Hadis-hadis palsu dijadikan modal.

Al-Haj Musa,  
934 Prangeon Rd. Nakornsridhamaraj;  
Siap bertanya:

"Saya terdapat dua hadis di dalam kitab "*Īqāz al-Manām ilā sayd al-anām*" karangan Tuan Haji Muhammad Yasin bin Haji Abdul Ghanni Batu Sangkar Minangkabau, pada hal kedua-dua hadis itu-saya telah periksa dan tidak dapat di lain-lain kitab.

Hadis yang pertama : Diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim fi takhrijhumā daripada Ibnu Umar raḍī Allāh 'anhumā "*bainamā al-nabī sallā Allāh 'alaih wasallam jalisu mā aṣḥābih fi al-māsjid an atāh fātīmāt fasā'altah an salāt al-'Asr faqā la qawli uşallī farḍ al-āşr arbaa rakā'ati adā' lillāh Tā'ālā waqālā uşallī farḍ al-zahir arbaa raka'āt ada' Allāh Tā'ālā, wan kuntu imāmā faqawlī uşallī farḍ al-'Asr arbaa rakā'ati imāmā adā' Allāh Tā'ālā wan kuntu mā'mumā faqawlī uşallī farḍ al-zuhr arbaa rakā'ati mā'mumā adā' lillāh Tā'ālā. ah. Muka 93-94."*

(Ertinya "di antara Rasulullah SAW sedang duduk bersama sahabatnya di dalam masjid, tiba-tiba datangnya Fatimah (puterinya) lalu bertanya kepada baginda dari hal sembahyang asar, baginda pun bersabda : bacalah *uşallī*" (sahaja aku sembahyang) fardhu Asar empat rakaat ada'an kerana Allah Taala...") sehingga akhir hadis yang terbentang di atas itu. a.m)

Hadis yang kedua diriwayatkan oleh imam dan muslim pada takhrijnya daripada Anas bin Malik marfu'an : "*idhā quntum ilā al-şalāt fa antiqū uşallī kamā nataqtu uşallī*" ah. muka 90.

(Ertinya : "Apabila kamu berdiri kepada sembahyang hendaklah kamu Lafazkan *uşallī*" sebagaimana aku telah lafazkan *uşallī* : a. m)

Adakah hadis ini sahih, diharap tuan memberitahu di dalam bab apakah dari kitab Bukhari dan Muslim?

"Di muka 89 pengarang kitab itu berkata pula : "Telah ijmak Mazhab yang empat mengatakan membaca uşallī sunat dan barangsiapa yang meninggalkannya makruh. Pada mula 90 ia berkata lagi : "Ikutlah Imam Shafīṭ sebab dia nya yang mengatakan membaca *uşallī* ini sunat".

"Adakah sebenarnya begitu, harap tuan jelaskan".

Jawab : Kitab "*Īqāz al-Manām*" itu tidak ada di tangan kita dan kita belum membacanya tetapi sekiranya apa yang telah disalinkan oleh penyoyal itu betul, maka sesungguhnya kita sangat-sangat terkejut membaca hadis-hadis palsu yang disajikan oleh pengarang kitab yang tersebut itu. Sungguh berani dia berdusta atau menjadi penghasut dusta atas nama Rasulullah SAW dengan bertopengkan nama Bukhari Muslim Ibnu Umar dan Anas bin Malik. Pada hal kesemuanya adalah bersih daripada sebarang dusta dan tidak sayogianya nama mereka dicemarkan.

Dustanya kedua-dua hadis itu dapat dilihat dengan nyatanya daripada beberapa wajah :

Pertama–Susunannya bukanlah cara susunan bahasa Arab yang fasih padahal junjungan kita SAW adalah sefasih-fasih orang yang berbahasa Arab.

Kedua–hadis-hadis ini tidak ada di dalam kitab-kitab *Şahih Bukhārī* dan *Muslim* dan lain-lain kitab hadis yang muktamad. Kalau ada, tentulah tidak akan menjadi perbahasan dan tentulah tidak akan timbul rebut atau "majlis muzakarah" kerananya!

Sebagai contoh, elok juga kita sebutkan di sini bahawa kira-kira dua puluh tahun dahulu, seorang ulama Mesir bernama "Alī Ahmad al-Jabalāwī" telah mengarang sebuah risalah bernama "al-Manāh al-Alahiyat" yang dimelayukan oleh Allahyarham wartawan Hasyim Yunus dan tercetak di Anglo Asiatic Paris, Singapura. Risalah ini menerangkan beberapa masalah khilafiah, di antaranya termasuk masalah melafazkan

“*uṣallī*” ini. Tetapi al-Jabalāwī seorang alim fadhil keluaran al-Azhar yang takutkan Allah dan tidak berani berdusta atas Rasulullah SAW. Meskipun dia mengatakan “*uṣallī*” itu sunat tetapi dia tidak menyebut kedua-dua hadis yang tersebut di atas itu atau lain-lain hadis lagi.

Kerana yang sebenarnya tidak ada hadis nabi berkenaan “*uṣallī*”.

Al-Jubalāwī hanya mengambil kias daripada perbuatan Nabi yang telah melafazkan “niat haji” (bukan niat sembahyang) ketika baginda mengerjakan haji.

Madmun keterangannya (al-Jubalāwī) ialah : kalau Nabi SAW dalam masa mengerjakan ibadat haji boleh melafazkan niat, maka bolehlah dikiaskan di atasnya lafaz niat sembahyang pula. Demikian juga dalil lain-lain ulama dari dahulu hingga sekarang- berkenaan lafaz asli ini iaitu hanya semata-mata berkias kepada “niat haji” yang melafazkan oleh Rasul SAW itu.

Pada hal alasan yang demikian tidak ada harganya pada sisi ahli tahkik kerana telah maklum “*lā qiyās fī al-ibādāt*” yakni tidak boleh sama sekali menjalankan kias di dalam ibadat.

Setelah berani berdusta menyajikan hadis palsu itu maka pengarang kitab “*Iqāz al-Manām*” yang tersebut telah berputar balik sebagaimana yang tertulis di muka 90, katanya: “ikutlah Imam Shafi’ī sebab dianya yang mengatakan membaca *uṣallī* ini sunat”.

Jadi bukanlah nabi yang mengatakan sebagaimana yang dituliskan di muka 93-94 itu?

Meskipun dia mengatakan Imam Shafi’ī sahaja yang mengatakannya, tetapi terlebih dahulu daripada itu ia mengatakan pula sebagaimana yang tersebut di muka 89:

“Telah Ijmak Mazhab yang empat mengatakan membaca “*uṣallī*” sunat, barangsiapa yang meninggalkannya makruh”.

Kesimpulannya, pengarang kitab “*Iqāz al-Manām*” tidak boleh dipegang keterangannya berkenaan masalah ini kerana alasannya bersendikan hadis-hadis dusta dan keterangannya berlaga-laga pula diantara satu dengan lain.

Yang sebenarnya niat sembahyang itu tetap di dalam hati dan melafazkannya adalah suatu perbuatan bidaah yang telah diakui oleh orang-orang Islam—baik yang dicop dengan “Kaum Muda” atau “Kaum Tua”. Huraian masalah ini lebih lengkap telah disajikan di halaman “bida’ah dan khurafat” di dalam majalah Ini bilangannya 31 yang lalu.

Sesungguhnya perkara yang demikian inilah yang sepatutnya alim ulama bekerja keras membersihkannya tetapi malangnya tak usahkan hendak bekerja bahkan orang-orang yang telah tampil bekerja kerana tujuan yang suci ini telah dituduh hendak membangkitkan fitnah konon! Golongan ini telah tergamak melihat bidaah berkembang di sekeliling pinggang dan setengahnya telah tenggelam separas dagu. Demikianlah halnya orang-orang Islam kita yang berpegang kepada “*qīl*” dan “*qāla*” dan mengutamakan kata “Syeikh Anu” dan “Kata guru saya” daripada firman Allah Taala dan sabda Rasulullah SAW.

\* \* \*

## Berdoa Lepas Sembahyang Dengan Pakai Surah

Muhammad Sadiq bin Tahar al-Dīn “Durian Tipus” Jelebu, Negeri Sembilan bertanya :

“Boleh atau tidak jika kita lepas sembahyang tiap-tiap waktu berdoa dengan memakai surah kerana tidak hafal akan dia. Apa bezanya berdoa dengan cara hafaz dengan membaca surah?”

Jawab : Sebarang doa itu boleh dibaca dengan bersurah dan boleh dibaca dengan hafaz sahaja. Membaca doa dengan hafaz ada lebih baik kerana perhatian dan harapan (umul) lebih tertumpu kepada Tuhan yang diseru di dalam doa itu dan tidak terganggu dengan perhatian kepada surah. Orang yang membaca doa dengan hafaz ada dua kelebihan dan pahalanya, iaitu satu pahala berdoa dan satu pahala menghafaz perkataan-perkataan yang mengandungi zikir Allah. Lebih jelas lagi, kita nyatakan di sini bahawa membaca Quran itu umpamanya adalah satu perbuatan yang berpahala, tetapi membacanya dengan hafaz ada berganda pahalanya, iaitu satu pahala kerana membaca dan satu pahala kerana hafaz Quran itu.